



**BERARAK**  
...hampir  
1,000 bakal  
graduan dan  
kakitangan  
UTHM  
menyertai  
perarakan  
di Dataran  
Penggaram.

# 1,000 bakal graduan berarak 1km

**B**ATU PAHAT: Kira-kira 1,000 bakal graduan dan kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, menyertai perarakan ‘Town & Gown’ di sekitar bandar ini, malam kelmarin sebagai acara tahunan UTHM memberitahu majlis Konvokesyen Ke-12 universiti itu pada 3 dan 4 November ini.

Perarakan bermula jam 8.30 malam itu dari Jalan Rahmat menuju ke Dataran Penggaram sejauh satu kilometer bertujuan hubungan erat antara warga universiti dan masyarakat setempat.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dallimin berkata, perarakan konvokesyen dikenali sebagai ‘Communiiversity Celebration’ seperti itu

amalan turun temurun universiti ternama di Amerika Syarikat seperti Universiti Princeton, Universiti Charles Stuart, Universiti Michigan Ann Arbor dan Universti St Andrews (Scotland).

“Selain perarakan, pelbagai acara diadakan bagi memeriahkan suasana termasuk pertunjukan bunga api, nyanyian Ramlah Ram dan tetamu kehormat diarak menuju pentas lintas hormat di Jalan Rahmat menaiki beca berhias didatangkan khas dari Melaka.

“Kemuncak perarakan membabitkan pembacaan pengisytiharan konvokesyen oleh Pendaftar UTHM, Sulam Hamid sebelum skrol konvokesyen diserahkan kepada Pegawai Daerah, Ab Wahab Ridwan.

Menurutnya, tahun ini 2,775 graduan bakal menerima sijil sempena Konvokesyen Ke-12 merangkumi ijazah doktor falsafah (tujuh), Sarjana (370), sarjana muda (2,074) dan diploma (324).

“Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar selaku Canselor UTHM dijangka menyempurnakan sidang pertama majlis konvokesyen pada jam 9 pagi, 3 November ini.

“Sementara itu, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim selaku Pro Canselor UTHM dijangka menyempurnakan sidang ketiga majlis konvokesyen pada 4 November ini,” katanya pada sidang akhbar majlis konvokesyen itu di sini, kelmarin.